

SPRM bangunkan program Sijil Penguatkuasaan Undang-undang Asas

Oleh Rafidah Mat Ruzki - September 8, 2022 @ 5:46pm

fidahruzki@bh.com.my



Prof Cillian Ryan (kanan) menyampaikan sijil tamat pengajian kepada graduan sambil diperhatikan oleh Azam (tengah) pada Konvokesyen Program Pentaulahan Penguatkuasaan Undang-undang SPRM pertama bagi 2022, hari ini. - NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang membangunkan satu lagi program pengajian berakreditasi bertaraf sijil tahap tiga, dalam usaha mendidik masyarakat supaya membenci amalan rasuah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata program Sijil Penguatkuasaan Undang-undang Asas yang dibangunkan bersama Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) akan dibuka dan ditawarkan kepada semua agensi penguatkuasaan sebagai latihan asas untuk pegawai lantikan baharu, apabila proses dokumentasi berkaitan selesai nanti.

Beliau berkata, program pengajian itu akan membabitkan jumlah minimum 60 jam kredit atau bersamaan 2,400 jam pembelajaran.

"Tempoh pembelajarannya adalah selama tiga bulan secara bersemuka di MACA dan secara dalam talian (blended learning).

"Justeru pada kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang untuk menguar-uarkan dan bersedia menawarkan program pengajian itu kepada semua hadirin sekalian," katanya ketika berucap pada Konvokesyen Program Pentaulahan Penguatkuasaan Undang-undang SPRM pertama bagi 2022, di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Pro Naib Canselor (Antarabangsa) Nottingham Trent University United Kingdom (NTU UK), Profesor Cillian Ryan. Seramai 266 graduan terdiri daripada pegawai SPRM, menerima sijil tamat pengajian pada majlis itu.

Mereka sebelum ini mengikuti Diploma Lepasan Ijazah dalam Penguatkuasaan Undang-undang Antarabangsa: Kepemimpinan Antirasuah (Tahap 7) dan Diploma Profesional dalam Penguatkuasaan Undang-undang Antarabangsa: Kajian Antirasuah (Tahap 5).

Program anjuran MACA itu mendapat kerjasama NTU UK.

Azam berkata, strategi teras yang ditetapkan dalam Pelan Strategik SPRM 2021-2025 membabitkan empat bidang teras termasuk pendidikan, iaitu dengan menyebar luas nilai benci rasuah serta mengukuhkan sokongan masyarakat.

Justeru, katanya, kesedaran terhadap kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dan sebagai menyahut seruan kerajaan, mendorong pengurusan tertinggi SPRM berkolaborasi dengan NTU UK pada 2017 selepas mendapat kelulusan kerajaan Persekutuan untuk membangunkan modul kursus asas pegawai SPRM bertaraf Diploma Profesional Tahap 5 dan Diploma Lepasan Ijazah Tahap 7.

Beliau berkata, program dibangunkan itu membabitkan pengajian modul siasatan, modul perisikan, modul pendakwaan dan perundangan, modul amalan profesional serta modul kepimpinan selaras kehendak akreditasi NTU UK.

"Majlis ini adalah suatu peristiwa istimewa dan penuh bersejarah serta julung kali diadakan. Ia sebagai satu terjemahan kepada rasa penghormatan apabila segala usaha sepanjang menimba ilmu pengetahuan berkaitan penguatkuasaan dan pencegahan rasuah, diberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada graduan," katanya.

Dalam pada itu, Azam berkata, Validation Service Sub Committee NTU UK bersetuju melanjutkan Validation Service Partner For NTU'S School Of Social Sciences hingga 2027 kepada MACA, selepas berpuas hati dengan urus tadbir dan dokumentasi berkaitan kedua-dua program pengajian.